

Usaha risikan dipertingkatkan

LABUAN: Agensi keselamatan Malaysia sedang meningkatkan usaha pengumpulan maklumat risikan dan kerjasama rentas sempadan dengan rakan sejawatan dari Filipina bagi menangani jenayah rentas sempadan dengan berkesan, khususnya di Zon Keselamatan Pantai Timur Sabah (Esszone).

Pesuruhjaya Polis Sabah Datuk Abdul Rashid Harun berkata kerjasama dalam pertukaran maklumat mengenai jenayah rentas sempadan kini sedang dijalankan.

“Walaupun kerajaan Filipina membenarkan pasukan keselamatan Malaysia memasuki perairan negara itu untuk menyelesaikan isu penculikan, kami merasakan pertukaran maklumat antara pasukan keselamatan di kedua-dua negara perlu dipertingkatkan.

“Agensi keselamatan kami tidak biasa dengan tempat persembunyian penculik, dan untuk kami memasuki kawasan mereka bukanlah satu langkah yang bijak.

“Oleh itu, meningkatkan pertukaran maklumat dan kerjasama rentas sempadan adalah lebih penting,” katanya pada sidang media selepas lawatan kerja beliau di Balai Polis Labuan pada Rabu.

Presiden Filipina Rodrigo Duterte, dalam lawatan sulungnya ke Malaysia baru-baru ini, memberikan kebenaran kepada pasukan keselamatan Malaysia memasuki perairan negara itu dalam usaha bukan sahaja untuk menjejak penculik, tetapi juga militan yang menceroboh pantai timur Sabah.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang menganggap ia satu perkembangan baharu dalam hubungan Putrajaya-Manila dilaporkan berkata, dua pemimpin bersetuju mengenai keperluan untuk menghapuskan risiko keselamatan yang turut menjejaskan Indonesia.

Sementara itu, Abdul Rashid berkata kontinjen polis Sabah telah melakukan yang terbaik dalam melindungi keselamatan negeri dan kedaulatan negara.

“Kami meningkatkan program latihan dan mempergiatkan persiapan pertempuran menentang keganasan, yang belum

pernah dilakukan sebelum ini,” katanya.

Abdul Rashid berkata aspek keselamatan Sabah agak berbeza (dari segi ancaman) dengan keluasan 1,733.7 kilometer di sepanjang pantai di negeri ini dari Kudat ke Tawau dan dikelilingi oleh 361 pulau yang ada antaranya terletak berdekatan selatan Filipina, yang memerlukan pengawasan lebih konsisten.

“Justeru itu, kami tidak dapat menolak kemungkinan jenayah rentas sempadan seperti penculikan, tetapi kami terus meningkatkan pengawasan di perairan negeri untuk membendung kejadian sedemikian,” katanya.

Abdul Rashid berkata kesemua kontinjen polis daerah di Sabah dan Labuan menunjukkan prestasi cemerlang dalam tugas menjaga keselamatan dan keamanan.

Katanya, kerjasama dan komitmen yang tinggi dalam kalangan anggota polis membolehkan perancangan dalam aspek penjagaan keselamatan berjalan lancar.

“Sepanjang perkhidmatan saya sebagai pesuruhjaya polis Sabah selama setahun, banyak usaha, latihan dan persediaan dilaksanakan bagi memantapkan tugas kepolisian dan menghadapi sebarang jenis ancaman serta jenayah rentas sempadan.

“Saya berpuas hati dengan kerjasama yang diberikan oleh semua ketua polis daerah serta ketua polis Labuan dan semua anggota yang memudahcara semua perancangan penjagaan keselamatan,” katanya.

Sementara itu, Abdul Rashid berkata peningkatan atau penurunan indeks jenayah bukanlah menggambarkan prestasi sebenar polis, tetapi kepuasan hati masyarakat mengenai keadaan keselamatan di persekitaran mereka.

“Saya tidak menerima aduan masyarakat berkenaan ketidakpuasan hati masyarakat terhadap perkhidmatan polis tetapi lebih kepada memberi pandangan untuk membantu memperbaiki sistem perkhidmatan kepolisian,” katanya. — Bernama



ABDUL RASHID (depan) bersama anggota kontinjen Polis Labuan ketika melawat Balai Polis Labuan. — fotoBERNAMA